

PENANDA WACANA

Penanda wacana ialah perkataan ataupun rangkaian perkataan yang berfungsi mempertalikan sesuatu idea, hujah, dan pandangan seseorang semasa menulis ataupun berucap. Seandainya sesuatu wacana berkenaan tidak mempunyai penanda wacana yang tepat, ia akan menyebabkan seluruh kandungan wacana berkenaan tidak mempunyai kesatuan dan perpautan yang lengkap.

Jika seluruh kandungan wacana tidak mempunyai penanda wacana yang tepat, struktur ayat tersebut akan terjejas. Penanda wacana merupakan perkataan yang digunakan untuk menyambung idea antara ayat pertama dengan ayat yang kedua. Penanda wacana digunakan dalam penulisan seperti karangan dan juga berguna dalam pertuturan lisan secara formal.

JENIS PENANDA WACANA	CONTOH PENANDA WACANA
turutan	• Akhirnya, • Selain itu, • Keduanya, • Seterusnya, • Kemudiannya, • Pertama sekali, • Lebih penting lagi, • Selaras dengan itu,
penambahan	• Dan, • Selain itu, • Sekali lagi, • Sebenarnya, • Bertitik tolak, • Lebih-lebih lagi, • Tambahan pula, • Dalam hal ini juga, • Dan kemudiannya,

kata penghubung	• Jika, • Lalu, • Agar, • Serta, • Tetapi, • Supaya, • Walaupun, • Sungguhpun,	
perbandingan/pertentangan	• Tetapi, • Walaupun, • Sebaliknya, • Selari dengan, • Sama dengan, • Seperti halnya, • Berbeza dengan, • Namun demikian, • Walau bagaimanapun, • Sehubungan dengan itu, • Jika dibandingkan dengan, • Walau bagaimana sekalipun,	
contoh	• Misalnya, • Contohnya, • Umpamanya, • Seperti mana, • Biar kita ambil contoh, • Apa yang dimaksudkan ialah/adalah,	

masa		• Kini, • Sese kali, • Akhirnya, • Dewasa ini, • Selepas itu, • Sebelum itu, • Semenjak itu, • Baru-baru ini, • Sementara itu, • Pada mulanya, • Pada ketika itu, • Sejak akhir-akhir ini, • Pada masa yang sama,
kesimpulan		• Jadi, • Lantas, • Oleh itu, • Sejak itu, • Ringkasnya, • Lantaran itu, • Demikianlah, • Pendek kata, • Rumusannya, • Kesudahannya, • Kesimpulannya, • Jelaslah bahawa, • Pada keseluruhannya, • Sebagai penggulungan,
penanda wacana umum		• Amnya, • Justeru, • Lazimnya, • Sering kali, • Dengan ini, • Kebiasaannya, • Ramai berpendapat bahawa,